

WANITA DAN PERJUANGAN

Buku **Wanita & Perjuangan** merupakan buku yang membicarakan tentang peranan dan perjuangan kaum wanita dalam aspek kehidupan. Merangkumi peranan dan sumbangan kaum wanita dalam nasionalisme Melayu dalam era perjuangan kemerdekaan, penglibatan dalam proses penghijrahan dan pekerjaan kaum wanita dalam aspek ekonomi dan penglibatan kaum wanita dalam

Ungkapan kata-kata, "*Tangan yang mendodai buaian manusia dunia*", mengaitkan peranan wanita tidak kurang pernah mencorakkan sejarah dunia. Wanita merupakan serikandi sejarah. Walaupun pada awalnya masyarakat Melayu tradisi hanya melihat wanita sebagai penjeri rumah dan penjaga keluarga, perkembangan politik selepas Perang Dunia Kedua mengubahnya. Perjuangan memartabatkan kaum wanita mula bertapak di seluruh dunia dengan tema perjuangan emansipasi wanita dilakukan melalui pelbagai saluran seperti penulisan sastera (novel, novel, Malah melalui pelbagai pertubuhan sosial, pendidikan dan lain-lain. Impak perjuangan untuk memartabatkan kaum wanita turut dirasai di Tanah Melayu.

Lantaran itu, buku ini ingin mengajak para pembaca agar dapat memahami dan memahami peranan, sumbangan dan pengorbanan yang telah dilakukan wanita lalu. Semoga dengan kelahiran buku ini nanti kaum wanita dapat diiktiraf peranan, sumbangan dan pengorbanannya setaraf dengan kaum lelaki dalam pelbagai aspek kehidupan. Penglibatan kaum wanita dalam perjuangan nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan serta penglibatan mereka dalam proses penghijrahan untuk mengangkat taraf ekonomi kaum mereka sendiri. Tidak lupa juga mereka ini turut berperanan dalam urusan keagamaan khususnya dalam institusi haji di Tanah Melayu.

Aktif kata penulis mengharapkan buku yang mengandungi himpunan artikel ini dapat menjadi pemangkin kepada mereka yang berminat untuk membuat kajian yang lebih mendalam terhadap peranan kaum wanita. Usaha ini harus disambut oleh mereka yang berminat untuk mendalami kajian tentang gender di Tanah Melayu.

Diterbitkan oleh:


**Penerbit
UTHM**

ISBN 978-967-5457-72-2



9 789675 457722

WANITA DAN PERJUANGAN

Ishak Saat
Nazarudin Zainun

Wanita dan Perjuangan

Ishak Saat
Nazarudin Zainun


**Penerbit
UTHM**

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2011

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ishak Saat

Wanita dan perjuangan/ Ishak Saat, Nazarudin zainun.

ISBN 978-967-5457-72-2

1. Women--Conduct of life--Anecdotes. 2. Women--Anecdotes.

I. Nazarudin Zainun. II. Judul.

305.4

Terbitan :

Pejabat Penerbit

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja, Batu Pahat

Johor Darul Ta'zim

Tel : 07-453 7454 / 7051

Faks : 07-453 6145

Laman Web : penerbit.uthm.edu.my

E-mel : pt@uthm.edu.my

ISI KANDUNGAN

Prakata	vii
BAB 1	
PERANAN WANITA DALAM GERAKAN KIRI	1
Ishak Saat	
BAB 2	
WANITA MELAYU KEDAH DAN PEMILIKAN TANAH TAHUN 1881-1940	27
Nadiah Binti Ismail	
BAB 3	
PENGLIBATAN KAUM WANITA DALAM INSTITUSI HAJI: SATU SOROTAN SEJARAH	49
Aiza binti Maslan @ Baharudin & Roshimah binti Shamsudin	
BAB 4	
KEJAYAAN WANITA DALAM PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN LUAR BANDAR MALAYSIA: KAJIAN KES PROJEK AMANAH IKHTIAR MALAYSIA	73
Fatimah Hassan	
BAB 5	
MEMPERKASAKAN IBU TUNGGAL DAN KANAK-KANAK SEBAGAI MODAL INSAN BERKUALITI DALAM ERA PASCA-MERDEKA: KAJIAN KES DI DAERAH KUALA TERENGGANU	99
Rahimah Haji A. Hamid, Ratna Roshida Abd. Razak, Nazarudin Zainun & Siti Hajar Che Man	

Ungku Abdul Aziz, "The Remedy for Rural Poverty", dalam Lim Tay Boh, (ed.), *Problems of the Malayan Economy*, Singapore: Donald Moore, 1957.

van der Meulan, D., "The Mecca Pilgrimage and Its Importance to the Netherlands East Indies", *The Moslem World*, Vol. XXXI, No. 1, 1941.

Vredenburg, J., "Ibadah Haji Beberapa Ciri dan Fungsinya di Indonesia", dalam Dick Douwes dan Nico Kaptein, (ed.), *Indonesia dan Haji*, Jakarta: INIS, 1997.

Temu bual

Temu bual dengan Hajah Umi Kalsom binti Kulop Mamat pada 14 Mac 2005 di Batu 18, Kampung Padang Asam, Padang Rengas, Perak.

Temu bual dengan Hajah Indon binti Muda pada 30 Disember 2005 di 243, Lorong 8, Bandar Baru Pulau Kambing, Kuala Terengganu.

Temu bual dengan Hajah Saadiah binti Abdul Ghani menerusi talian telefon pada 2 Februari 2006 di Peti Surat 510, Kudat, Sabah.

Temu bual dengan Hajah Nuli binti Abdul Ghani di Peti Surat 510, Kudat, Sabah menerusi talian telefon pada 2 Februari 2006.

Temu bual dengan Tuan Guru Haji Sabran bin Asmawi di Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak pada 10 Februari 2006.

Temu bual dengan Haji Maslan @ Baharudin bin Haji Hasan di Lot 14311, Kampung Jalan Banjar, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak pada 27 Jun 2007.

Temu bual dengan Haji Sulaiman bin Zaini pada 24 Ogos 2008 di No. 84A, Batu 12, Jalan Taiping, Bagan Serai, Perak.

Temu bual dengan Haji Mohd. Tyndareus bin Haji Awang pada 6 Oktober 2008 di No. 32, Parit Haji Tahir, Jalan Baru, Parit Buntar, Perak.

KEJAYAAN WANITA DALAM PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN LUAR BANDAR MALAYSIA: KAJIAN KES PROJEK AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

Fatimah Hassan¹

Masalah kemiskinan, terutama kemiskinan luar bandar sentiasa menjadi isu dibincangkan kerana mengurangkannya bukanlah sesuatu yang mudah. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), merupakan antara program yang berjaya membantu kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan negara. Kejayaan AIM ini merupakan satu kejayaan besar kepada wanita luar bandar di Malaysia kerana mereka adalah penyelamat dalam meneruskan perjuangan AIM selama ini. Artikel ini membincangkan isu berkaitan kemiskinan wanita luar bandar dengan terperinci. Perbincangan diteruskan dengan mengupas faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan wanita dalam program AIM. Antara faktor yang menyebabkan wanita dapat mengurangkan kemiskinan keluarga luar bandar ialah pertama, perasaan dan sensitiviti wanita terhadap kemiskinan keluarga. Faktor kedua adalah disebabkan ciri-ciri unik program pinjaman AIM yang mengadaptasi kaedah Grameen Bank mengikut kesesuaian masyarakat tempatan. Sementara faktor ketiga adalah pengaruh pengubalan Dasar Wanita Negara 1989 dan Dasar Wanita Negara Kedua 2009 yang mencetuskan penubuhan

Jabatan Pembangunan Keluarga dan Wanita dan melakarkan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara. Ternyata mengintegrasikan sumbangan wanita dalam perancangan dan proses pembangunan negara misalnya dalam strategi pembasmian kemiskinan adalah penting untuk mencapai kesejahteraan hidup generasi mendatang dan kelestarian pembangunan negara.

PENDAHULUAN

Masalah kemiskinan, terutama kemiskinan kaum wanita masih hangat dibincangkan walaupun negara kita Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 52 tahun. Ini adalah kerana jumlah kaum wanita yang menjadi rakyat Malaysia kini telah menghampiri hampir 49.1 % daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Selain dari jumlah penduduk, Jadual 1 juga menunjukkan jumlah kaum wanita ini jika dikelaskan mengikut umur diwakili kumpulan turut menghampiri 50% daripada keseluruhan penduduk.

Isu kemiskinan sentiasa menjadi isu dibincangkan kerana takrifnya yang berbeza serta ianya adalah fenomena sejagat yang mana setiap bangsa dan negara tidak dapat lari daripadanya. Perbezaan antara setiap kawasan adalah dari segi kadar dan bilangan golongan terbabit berdasarkan garis atau tanda aras yang digunakan. Kemiskinan biasanya ditakrifkan secara relatif mengikut keadaan masyarakat di sesebuah negara. Di Malaysia, dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan adalah kemiskinan mutlak² yang merupakan konsep dinamik kerana berubah mengikut keadaan dan masa serta kemiskinan relatif³ yang merupakan konsep ketidaksamaan pendapatan. Pengukuran yang kerap digunakan bagi mengukur kemiskinan di Malaysia adalah kadar kemiskinan yang merupakan peratus penduduk atau isi rumah yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan.

Jadual 1:
Penduduk Malaysia mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

Kategori	2000	2008
Lelaki ('000)		
Perempuan ('000)	11,853.4	14,114.3
Jumlah ('000)	11,421.3	13,614.6
% Perempuan (daripada jumlah)	23,274.7	27,728.9
	49.1	49.1
Kumpulan umur		
0 – 14 tahun ('000)		
Lelaki ('000)	7,751.0	8,876.2
Perempuan ('000)	3,988.9	4,576.5
% Perempuan (daripada penduduk perempuan)	3,762.1	4,299.7
	32.9	31.6
15 – 64 tahun ('000)	14,623.1	17,620.5
Lelaki ('000)	7,445.6	8,961.8
Perempuan ('000)	7,177.5	8,658.7
% Perempuan (daripada penduduk perempuan)	62.9	63.6
65 tahun dan lebih ('000)	900.6	1,232.2
Lelaki ('000)	418.9	576.0
Perempuan ('000)	481.7	656.2
% Perempuan (daripada penduduk perempuan)	4.2	4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2009)

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) didefinisikan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. PGK dikemaskini setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sesebuah keluarga itu dikategorikan miskin jika pendapatan sebulannya di bawah RM661 di Semenanjung Malaysia,

RM888 di Sabah dan RM765 di Sarawak. Manakala keluarga yang berpendapatan RM430 di Semenanjung Malaysia, RM540 untuk Sabah dan RM520 bagi Sarawak diklasifikasi sebagai miskin tegar. Namun untuk pengkelasan kemiskinan bandar, Unit Penyelarasan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah menggunakan kadar kemiskinan iaitu di bawah RM740 (Semenanjung), RM860 (Sarawak) dan RM970 di Sabah manakala bagi kategori miskin tegar di bandar pula, PGK yang digunakan ialah RM420 (Semenanjung), RM540 di Sabah serta RM530 di Sarawak (Wan Syamsul Amlly, 2008). Kadar untuk tahun sebelumnya diringkaskan dalam jadual 2 di bawah. Perolehan pendapatan sebulan seisi rumah ini berasaskan kepada purata saiz isi rumah sebanyak 4.6 di Semenanjung Malaysia, 4.9 di Sabah dan 4.8 di Sarawak. Perbezaan kadar dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa perubahan ekonomi dan keadaan masyarakat semasa turut mempengaruhi pengertian kemiskinan bagi setiap kawasan.

Jadual 2
Pendapatan Garis Kemiskinan, 1980 – 2007
(RM sebulan seisi rumah)

TAHUN	1980	1990	1999	2002	2004	2007
Semenanjung Malaysia	RM274	RM370	RM510	RM529	RM661	RM657
Sabah	RM410	RM544	RM685	RM690	RM888	RM897
Sarawak	RM347	RM452	RM584	RM600	RM765	RM753

Sumber: Gabungan beberapa RMK

Hasrat kerajaan untuk membasmi kemiskinan di Malaysia amat bertepatan dengan tujuan kerajaan mencapai taraf negara maju. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan bertekad mengurangkan kemiskinan daripada 5.7 peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2010. Kadar ini berterusan mengurang daripada 17.1 peratus (1990) kepada 13.3 peratus (1993) kepada 8.5 peratus (1999) kepada 5.7 peratus dalam tahun 2004. Isu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah ini turut dimuatkan dalam antara enam bidang utama keberhasilan utama negara (NKRA).

ini juga bertepatan kerana masalah kemiskinan yang utama ialah di kawasan luar bandar yang melibatkan majoriti masyarakat Melayu. Kadar kemiskinan di luar bandar di Semenanjung Malaysia jauh lebih tinggi iaitu 7.1% berbanding kawasan bandar 2.0% pada tahun 2007 (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2009). Sedangkan jumlah penduduk Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar cuma mewakili 36.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Jadual 3 menunjukkan bahawa daripada 36.5% penduduk luar bandar Malaysia ini, pecahan mengikut jantina masih relevan untuk dibincangkan kerana jumlahnya yang hampir sama. Sehubungan dengan ini jurang kemiskinan antara gender perlu juga diberi perhatian sewajarnya.

Jadual 3
Penduduk Mengikut Strata Lokasi dan Jantina (2008)

Kategori	2008
Jumlah Penduduk	27,728.9 (100%)
Lelaki ('000)	14,114.3 (49.9%)
Perempuan ('000)	13,614.6 (49.1%)
Kawasan Bandar ('000)	17,615.5
Lelaki ('000)	8,924.1 (63.2%)
Perempuan ('000)	8,691.4 (63.8%)
Kawasan Luar Bandar	10,113.2
Lelaki ('000)	5,190.2 (36.8%)
Perempuan ('000)	4,923.0 (36.2%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2009)

KAJIAN DAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

Isu kemiskinan luar bandar memerlukan kajian dan program pembasmian yang khusus. Hal ini adalah penting kerana setiap kawasan mempunyai perbezaan sama ada dari konteks fizikal kawasan, sikap masyarakat, ketrampilan kepimpinan dan sebagainya. Pelbagai kajian dilakukan oleh penyelidik bagi

yang masih tinggi ini. Antara penulisan yang terkenal berkaitan isu kemiskinan Melayu luar bandar ini adalah penulisan ZA'BA atau Zainal Abidin Ahmad bertajuk 'The Poverty of the Malays' pada tahun 1923 yang menghubungkan elemen kebendaan dan kerohanian sebagai penyebab utama (Mohd. Taib Haji Dora, 1993). Beliau menegaskan bahawa pendidikan yang rendah dan ilmu yang cetek serta pemikiran yang lemah akibat dari peluang pelajaran yang terhad. Keadaan ini bertambah kronik apabila timbul juga kelemahan dari aspek nilai budaya dan kualiti yang rendah yang diamalkan masyarakat semasa. Selain ZA'BA, pengkaji yang tidak kurang hebat ialah Profesor Ungku A. Aziz dengan teori Indeks Sarong yang begitu terkenal pada awal kajiannya sebagai pengukur tahap kemiskinan masyarakat setempat di Kelantan dan Terengganu. Sementara Abdullah Munsyi yang menggunakan pendekatan psikologi sosial menyatakan bahawa sikap kaum lelaki sebagai ketua keluarga yang malas adalah penyebab utama masalah kemiskinan luar bandar berterusan (Mohd. Taib Haji Dora, 1993). Namun menurut Syed Husin Ali, isu kemiskinan luar bandar ini mempunyai hubungan positif dengan faktor kekurangan modal dan teknologi yang menyebabkan hasil produktiviti yang turut rendah. Sementara Shaharuddin Maaruf pula mendakwa sistem kehidupan masyarakat setempat terutama yang mengamalkan nilai tradisional dan mengekalkan ciri-ciri feodal dan kemunculan pemerintahan dari golongan elit yang sentiasa mengejar dan ingin menjadi kapitalis Melayu menjadi penyebab utama masalah kemiskinan luar bandar semasa (Mohd. Taib Haji Dora, 1993).

Perincian terhadap masalah kemiskinan luar bandar ini semakin kompleks apabila dijuruskan kepada kaum wanita luar bandar. Kajian oleh Moyle dan Dollard (2008) di India mendapati antara faktor yang menyebabkan lebih ramai wanita luar bandar terdedah kepada masalah kemiskinan termasuklah faktor kurangnya bantuan keluarga untuk tanggungjawab domestik dan penjagaan anak yang menghalang aktiviti di luar rumah. Begitu juga dengan taraf pendidikan dan kadar literasi yang rendah menghalang kebolehpayaan mendapatkan maklumat dan sumber yang ditawarkan oleh institusi yang menawarkan bantuan dan perkhidmatan untuk kaum wanita. Selanjutnya ialah masalah keganasan domestik, kongkongan tuntutan sosial, komunikasi yang terhad dengan pasangan, lemah dalam membuat keputusan dan tiada hak dan peluang pendapatan untuk

berbelanja. Sementara di Australia, kajian terhadap kaum asli luar bandar mendapati bahawa faktor taraf pendidikan dan literasi yang rendah, kadar pengangguran yang tinggi, batasan ketersampaian kepada perkhidmatan, peluang pekerjaan yang rendah, keganasan domestik serta halangan bahasa serta budaya (Moyle dan Dollard, 2008). Ternyata masalah yang sama juga wujud di Malaysia yang menyebabkan ramai kaum wanita luar bandar Malaysia tergolong dan terdedah kepada masalah kemiskinan yang berterusan. Keadaan ini diperitkan lagi dengan kesan pemodenan dan perindustrian yang mewujudkan agihan tugas baru penyaraan keluarga kepada kaum wanita (Suriati, 2002).

Ekoran daripada pelbagai penemuan kajian dan justifikasi yang diberikan maka beberapa strategi dan program pembasmian kemiskinan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan masalah kemiskinan yang sentiasa dikaitkan dengan masalah ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan di Malaysia. Hal ini juga selaras dengan ajaran agama Islam yang mana Allah s.w.t menegaskan seperti yang terkandung pada ayat-11 surah ar-Ra'd, antara lain bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri." Kerajaan pernah memperkenalkan Revolusi Hijau bagi menambahkan produktiviti luar bandar. Begitu juga dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) yang menyatakan salah satu objektifnya ialah pembasmian kemiskinan. Kerajaan turut menubuhkan beberapa agensi bagi menggerakkan usaha pembasmian kemiskinan seperti FELDA (*Federal Land Development Authority*), FELCRA (*Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority*) dan RISDA (*Rubber Industry Smallholders Development Authority*) pada akhir 1960-an dan awal tahun 1970-an. Pada awal penubuhan semua agensi ini bergerak secara berasingan, namun menjelang tahun 2009, kesemua mereka diminta bekerjasama dan bergabung mewujudkan satu konsortium bagi melaksanakan pelbagai projek industri hiliran dan huluan berimpak tinggi agar masalah kemiskinan luar bandar yang masih berterusan ini dapat diatasi.

Antara program khusus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan tumpuan kepada masyarakat luar bandar ialah Program

Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang diperkenalkan pada tahun 1989. PPRT telah diwujudkan khusus untuk membantu golongan miskin seramai 107,000 orang di seluruh negara (Mohd Taib Haji Dora, 2003). Sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan bagi program ini dengan matlamat membantu keluarga termiskin di seluruh negara berdikari dan menjayakan diri dalam arus pembangunan negara. PPRT melibatkan enam buah kementerian yang dikoordinasi oleh Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelaras Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Antaranya ialah KEMAS (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat). Sementara kerajaan negeri membantu menjayakan projek-projek sosioekonomi PPRT melalui agensi negeri masing-masing seperti DARA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, PERDA, KEDA dan JENGKA. Selain PPRT, wujud juga program berpakej di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) seperti Program Peningkatan Ekonomi, Program Pembangunan Infrastruktur Asas dan Program Pembangunan Insan kepada kumpulan sasaran bagi membangunkan modal insan dan bina upaya (Malaysia, 2006).

Selain dari PPRT dan SPCR, kerajaan juga menggunakan sistem kredit mikro yang diperkenalkan oleh Profesor Muhamad Yunus, seorang pensyarah ekonomi di Universiti Chittagong, Bangladesh melalui hasil kajiannya pada tahun 1976. Model pembangunan ekonomi yang membantu mencari wang untuk keluarga dan membayar balik pinjaman dalam jumlah yang kecil tetapi kerap ini berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kebanyakan penduduk miskin di Bangladesh yang terpaksa bergantung kepada orang tengah untuk mencari wang sara hidup. Program ini kemudiannya telah dinaik taraf menjadi sebuah bank dikenali sebagai Grameen Bank pada 1988 dan kini direplika dan diadaptasi oleh sebanyak 200 agensi tempatan dan individu yang berminat di 56 buah negara diseluruh dunia termasuk Malaysia (Mohd. Zaini dan Fatimah, 2006).

PENUBUHAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)


Kemiskinan merupakan suatu fenomena masyarakat yang tiada penghujungnya maka perjuangan dan tanggungjawab membasmi kemiskinan tidak harus diletakkan di bahu kerajaan semata-mata. Selaras dengan kehendak kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan melalui kajian oleh beberapa penyelidik seperti Professor David S. Gibbons dan Professor Madya Sukor Kasim dari Universiti Sains Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang pada awalnya dikenali sebagai Projek Ikhtiar, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan pada 17hb September 1987 setelah didaftarkan di bawah Kementerian Kehakiman Malaysia. Pendaftaran ini adalah melalui suratcara perjanjian AIM yang dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Kerajaan Negeri Selangor dan Pusat Pembangunan Asia-Pasifik (APDC). Tujuan utama penubuhan AIM ialah untuk mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pengeluaran pinjaman sebagai modal kepada isirumah termiskin di kawasan luar bandar bagi membiayai sebarang kegiatan ekonomi yang dapat menambahkan pendapatan tanpa mengira agama, bangsa, jantina dan fahaman politik. Pada peringkat awal, YPEIM menyediakan dana sebanyak RM300,000 sebagai modal pinjaman dan kerajaan negeri Selangor menyediakan tapak permulaan di Sabak Bernam sebagai kawasan perintis selama dua tahun.

Semenjak beroperasi pada tahun 1987 sehingga 2009, AIM yang disertai seramai 237,933 ahli di 1,445 kampung, 87 cawangan di seluruh Malaysia dengan keluaran modal pinjaman sebanyak RM3.73 billion dan kadar bayaran balik setinggi 99.14% (Mohd. Zaini, et.al, 2009 dan Amanah Ikhtiar Malaysia, 2009). Rajah 1 di bawah menunjukkan lokasi cawangan kawasan dan wilayah operasi AIM dan tahun kawasan tersebut mula beroperasi.

Perkara menarik untuk ditonjolkan disini ialah daripada kesemua jumlah ahli yang menyertai program AIM ini, hampir 99.98% peratus daripadanya terdiri daripada golongan wanita. Untuk program AIM di kawasan luar bandar, 100% terdiri dari kaum wanita dan hanya terdapat lebih kurang 20 peserta lelaki yang menjadi ahli AIM kini melalui program kemiskinan bandar yang baru dilancarkan pada 2008 lalu. Pada awal penubuhan AIM iaitu sekitar 1987 di kawasan

Sabak Bernam, peserta lelaki mewakili 2/3 atau 75% daripada keseluruhan peserta AIM (Gibbon dan Sukor, 1990). Peserta lelaki di beri tumpuan kerana dalam budaya kaum melayu dan ugama Islam, lelaki atau ketua keluarga yang bertanggungjawab mencari rezeki dan pendapatan untuk keluarga.

Rajah 1: Kawasan Cawangan dan Wilayah Operasi AIM



Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia, 2004

Namun, setelah hampir 22 tahun beroperasi ramai dalam kalangan peserta lelaki ini telah menarik diri, sementara peserta wanita terus maju dan menonjolkan prestasi cemerlang AIM di persada dunia.

Tahukah anda mengapa hal ini berlaku? Jawapan kepada persoalan ini akan dikupas dengan terperinci selepas ini. Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa tiga faktor utama yang menyebabkan wanita berupaya memainkan peranan penting dalam agenda membasmi kemiskinan melalui program AIM ini. Tiga faktor ini ialah:

Perasaan dan sensitiviti wanita terhadap kemiskinan keluarga
Ciri-ciri unik program pinjaman AIM yang mengadaptasi kaedah Grameen Bank mengikut kesesuaian masyarakat tempatan.
Pengaruh pengubalan Dasar Wanita Negara

Faktor Mempengaruhi Kejayaan Wanita Dalam Aim

Walaupun isu kemiskinan sukar dihapuskan secara mutlak, pengurangan daripada 8.5 peratus (1999) kepada 5.7 peratus (2004) kepada 3.6 peratus (2007) yang diperolehi untuk kemiskinan umum adalah sesuatu yang membanggakan kerajaan Malaysia (Malaysia, 2006). Kejayaan ini seiringan dengan peruntukan kewangan dan program yang dirancang oleh kerajaan. Kejayaan projek AIM menjadi pemangkin kepada usaha-usaha kerajaan bagi membantu mengatasi kemiskinan tegar di seluruh negara. Keupayaan ini dikenalpasti melalui beberapa kajian yang dijalankan oleh pelbagai pihak ke atas mereka yang menyertai program di bawah anjuran AIM ini seperti Kajian Impak 1, 2 dan 3 oleh AIM sendiri (1988 - 1993), Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri (1991), Chamhuri Siwar (1992), Mohd. Taib Haji Dora (1993), Mohamed Zaini (1995), Mohd Sukri Md. Salleh (1997), Sukor Kasim (2000) dan Salma Mahmud (2006). Kesemua kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam pendapatan mereka yang menjadi ahli AIM. Kajian oleh Salma Mahmud menunjukkan sahabat AIM berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 215% iaitu dari RM339.11, pendapatan sebelum menyertai projek AIM (Mohd. Zaini, et.al, 2009). Disebabkan keupayaannya yang tidak ditandingi ini maka AIM

sentiasa memperoleh peruntukan dari pihak kerajaan, antaranya termasuklah peruntukan sebanyak RM 200 juta dalam Rancangan Malaysia ke Tujuh (RMK-7) dan RM 300 juta dalam Rancangan Malaysia ke Lapan (RMK-8). AIM turut menerima sumbangan RM 500 juta dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), namun peruntukan sebanyak RM100 juta dalam Belanjawan 2009 lalu hanya untuk membiayai program Kewangan Mikro Bandar. Justeru dapatlah dikatakan bahawa peruntukan kewangan yang berterusan dari pihak kerajaan turut menjadi sebab tidak langsung yang menyumbang kepada kejayaan wanita dalam program AIM ini.

1. Sensitiviti wanita terhadap kemiskinan keluarga

Peranan wanita terhadap keluarga amatlah dihargai oleh masyarakat dan agama. Hal ini terbukti dengan kewujudan beberapa hadis dan pepatah seperti "Syurga terletak di bawah kaki ibu" dan "Tangan yang mengayun buai boleh menggoncang dunia" yang menunjukkan akan kelebihan wanita itu sendiri. Umum telah maklum bahawa, dari segi kekeluargaan wanita berperanan dan bertanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan pengurus rumahtangga. Sebagai seorang isteri pada amnya beliau akan menguruskan keperluan suami dengan menyedia, membersihkan dan menyedia makanan, pakaian, dan lain-lain keperluan harian berdasarkan pendapatan keluarga yang diperuntukkan oleh si suami. Sementara, fungsi sebagai seorang ibu seperti mendidik dan menjaga anak-anak serta menguruskan keperluan anak agar selesa dan memenuhi kehendak sama seperti ahli keluarga yang lain.

Peranan yang mulia ini amat susah untuk dilaksanakan dengan sempurna apabila dikaitkan dengan kehidupan keluarga miskin. Bagaimana urusan keluarga dapat dipenuhi sekiranya pendapatan suami umpama 'kais pagi makan pagi dan kais petang untuk makan petang'. Dalam hal ini wanita atau ibu yang lebih merasai keperitan hidup, tangisan kelaparan dan masalah kemiskinan jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Penderitaan dan tangisan akibat kelaparan menyebabkan ramai ibu sanggup berlapar demi kesejahteraan, keselamatan dan keselesaan hidup anak-anaknya. Sehubungan dengan

ini majoriti daripada wanita miskin ini bertanggungjawab mengatasi masalah kelaparan dan kebuluran keluarga mereka iaitu suami, anak-anak dan diri mereka sendiri. Merekalah yang menanam, mengumpul, menangkap dan kemudiannya memasak dan menyediakan makanan ahli keluarga. Oleh itu, kebanyakan daripada sumber makanan keluarga miskin ini diperolehi melalui kemahiran dan pengetahuan ibu-ibu, isteri-isteri, kakak-kakak dan anak-anak perempuan sahaja (FAO, 1997). Sementara Suriati (2002) mendapati bahawa sumbangan wanita yang miskin untuk mengukuhkan ekonomi keluarga lebih penting dan besar berbanding wanita yang datang dari keluarga sederhana dan senang. Sehubungan dengan ini, ramai antara mereka yang sanggup dan rela melakukan tugas-tugas yang berat, tanpa jemu demi memenuhi keperluan asas keluarga seperti makan dan minum, dan hal ini secara tidak langsung turut meningkatkan pendapatan suami yang menjadi punca pendapatan keluarga selama ini.

Kajian oleh Firth pada tahun 1966 dan Strange pada tahun 1981 menunjukkan bahawa wujud penglibatan wanita dalam meningkatkan pendapatan keluarga sama ada sebagai ibu tunggal atau sebagai rakan kongsi kepada ketua keluarga (Chamhuri, 1992). Ternyata wanita daripada golongan miskin selalunya menjadi orang yang paling banyak membawa pendapatan kepada isi rumah walaupun dalam rumah itu ketua keluarganya adalah lelaki (Suriati, 2002). Namun disebabkan oleh faktor persekitaran seperti budaya dan agama seperti wanita perlu mendapat izin untuk keluar rumah, tidak manis untuk keluar pada waktu malam dan budaya persekitaran seperti kewajipan menjaga anak, suami dan ibubapa berumur menyebabkan ramai wanita tidak berpeluang mendapat pekerjaan atau mempunyai peluang yang sedikit untuk mencari pendapatan. Hal ini adalah kerana bentuk pekerjaan dan lokasi kerja yang memaksa mereka melanggar adat dan budaya persekitaran. Sehubungan dengan ini apabila wujud program pembasmian kemiskinan yang tersendiri dan unik anjuran AIM, maka peluang yang ada terus direbut kerana ianya menepati kehendak wanita sebagai ibu dan isteri dalam isi rumah keluarga miskin dan memenuhi juga kerendah

masyarakat setempat, agama yang dianuti dan budaya yang menghalang usaha menambah pendapatan ini.

2. Ciri-ciri unik program AIM

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pendekatan yang digunakan oleh AIM adalah unik dan berbeza daripada institusi kewangan yang lain. Antara ciri-ciri unik ini ialah kaedah mendapatkan pinjaman, jumlah pinjaman dan bayaran balik yang kecil, lokasi aktiviti proses pinjaman, bidang kegiatan peserta dan aktiviti simpanan sampingan.

2.1. Kaedah mendapatkan pinjaman – Pinjaman yang dikeluarkan oleh AIM tidak memerlukan cagaran atau penjamin. Bagi isirumah yang layak menjadi peserta AIM berdasarkan bancian yang dibuat berasaskan pendapatan bulanan, pengamatan keadaan tempat tinggal dan sebagainya, mereka perlu bersedia menubuhkan kumpulan sahaja. Dalam AIM, kumpulan terdiri dari lima orang peserta AIM yang sejantina, boleh dipercayai, bertanggungjawab, tiada tali persaudaraan yang rapat di antara satu sama lain dan kalau boleh tinggal dalam kampung yang sama dan saling kenal mengenali. Ini adalah kerana kumpulan inilah yang menggantikan jaminan cagaran atau penjamin seperti mana yang dituntut oleh institusi pinjaman yang lain. Kumpulan ini juga berperanan sebagai rakan pendorong dan rakan tekanan kepada sesama ahli kumpulan dan berfungsi sebagai pengganti disiplin peserta bagi menjamin aktiviti pinjaman dan bayaran balik berjalan lancar.

2.2. Jumlah pinjaman dan bayaran balik yang kecil tetapi kerap— Jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah dalam jumlah yang kecil dan kadar bayaran balik adalah kerap iaitu setiap mingguan. Hal ini amat sesuai untuk kaum wanita dari keluarga miskin kerana mereka tidak berani untuk berhutang banyak dan mengikut kemampuan diri untuk membayar balik dengan sempurna. Pinjaman awal yang berkadar kecil ini bakal disusuli nilai yang lebih besar sekiranya projek dilaksanakan mempunyai

kesinambungan dan menguntungkan serta peserta mempunyai rekod bayaran balik yang baik. Disebabkan jumlah pinjaman yang kecil maka bayaran balik juga rendah kadarnya terutama apabila dibayar secara mingguan. Walau bagaimanapun AIM tidak dikenakan tindakan undang-undang menuntut hutang. Sementara peserta akan dilindungi khairat hutang, baki hutang dihalalkan jika meninggal dunia.

Khusus untuk program pembiayaan kawasan luar bandar terdapat dua skim pinjaman yang ditawarkan oleh AIM kepada pesertanya iaitu Skim Pinjaman Ikhtiar Rezeki dan Skim Pinjaman Sosial. Ikhtiar Rezeki yang bertujuan untuk membantu memulakan atau meningkatkan aktiviti ekonomi dibahagikan lagi kepada tiga jenis Skim iaitu Ikhtiar Mesra, Ikhtiar Srikandi, Ikhtiar Wibawa dan Ikhtiar Wawasan. Sementara Skim Pinjaman Sosial yang dikenali sebagai Ikhtiar Penyayang, Ikhtiar Bestari dan Ikhtiar Sejahtera semasa penjenamaan semula AIM pada 2003 adalah bertujuan untuk memantapkan kehidupan sosial peserta. Jadual 4 dibawah meringkaskan skim pembiayaan pinjaman ini mengikut jumlah pinjaman, tempoh bayaran balik dan syarat-syarat pinjaman untuk kesemua jenis pinjaman yang ditawarkan oleh AIM ini.

Jadual 4: Jenis-jenis Skim Pembiayaan dalam Program AIM

Pembiayaan Ikhtiar	Had Maksima(RM)	Tempoh Bayar Balik	Keterangan
1. Ikhtiar Rezeki			
i. I-Mesra	RM 2,000 - RM20,000	25-150 Minggu (Secara Mingguan)	Pinjaman Pertama (Sahabat baru) sehingga RM2000. Peningkatan RM 1000 bagi pembiayaan sebelumnya.

ii. I-Srikandi	RM 2,000 – RM 20,000	25-150 Minggu (Secara mingguan)	Pinjaman seterusnya satu kali ganda daripada pinjaman sebelumnya.
iii. I-Wibawa	RM 5,000	6 Bulan (Secara mingguan/ bulanan/ sekaligus)	Pinjaman bermusim / Jangka pendek
iv. I-Wawasan	RM 20,000 - RM 50,000	25-250 Minggu (Tidak Melebihi 5 Tahun) (Secara Mingguan)	Pendapatan Sahabat telah meningkat sekurang-kurangnya 5 kali ganda daripada pendapatan garis kemiskinan semasa kerajaan. Sahabat telah membuat pembayaran Ikhtiar (pembayaran ekonomi) sekurang-kurangnya 5 kali dan pernah membuat pembayaran tertinggi melebihi RM 10,000.
2. Ikhtiar Penyayang	RM 5,000	25 - 150 Minggu (Secara Mingguan)	Pembiayaan Pemulihan
3. Ikhtiar Bestari	RM 5,000	25 - 150 Minggu (Secara Mingguan)	Kali pertama, maksima RM1000 Kegunaan Pendidikan Kali pertama RM3000.
4. Ikhtiar Sejahtera	RM 10,000	25 - 150 Minggu (Secara Mingguan)	Kegunaan Pelbagai : pembelian aset, pelaburan dan lain-lain

Sumber: Amanah Ikhtiar Malaysia (2009)

2.3 Lokasi aktiviti proses pinjaman -- Semua aktiviti dan proses pinjaman dalam AIM di jalankan di dalam kawasan kampung peserta dan dikenali sebagai pusat

mesyuarat. Sehingga Disember 2009, terdapat lebih dari 6,265 pusat yang beroperasi hasil gabungan dari 55,576 kumpulan yang dibentuk (Amanah Ikhtiar Malaysia, 2009). Aktiviti mingguan ini dijalankan secara berkumpulan dengan pengawasan ketua kumpulan, ketua pusat dan kakitangan AIM sendiri. Disiplin peserta seperti kehadiran ke mesyuarat pusat mingguan amat ditekankan kerana ianya menjamin proses dan perjalanan aktiviti pinjaman. Dr Muhammad Yunus, pengasas Bank Grameen pernah mengatakan bahawa tanpa disiplin yang tegas, pinjaman AIM ini akan bertukar menjadi sedekah. Pusat yang ditubuhkan merupakan tempat yang mana proses dan aktiviti AIM seperti membahas jumlah pinjaman, pengawasan perjalanan projek, pemeriksaan pembelian modal dan lain-lain proses pinjaman sehinggalah pembayaran balik dan penilaian projek untuk memastikan tiada tunggakan berlaku dan perjalanan projek setiap peserta berjalan lancar. Setiap pusat perlu dianggotai oleh beberapa kumpulan (minimum dua hingga maksimum lapan kumpulan) dan terletak di mana-mana tempat kemudahan awam tempatan seperti balairaya, dewan masyarakat, surau dan sebagainya bagi memudahkan kehadiran peserta ke mesyuarat pusat yang wajib dijalankan pada setiap minggu. Mesyuarat mingguan ini wajib diadakan selaras dengan syarat pinjaman yang dikeluarkan oleh AIM. Ternyata pemilihan pusat yang berdekatan dengan tempat kediaman memudahkan urusan kerja bagi wanita luar bandar.

Selain daripada itu, mesyuarat mingguan yang bertempat di pusat yang dibentuk turut diadakan bagi memudahkan proses bayaran balik pinjaman yang dikenakan pada setiap minggu. Ini adalah kerana semua bayaran balik pinjaman dengan AIM wajib dibayar setiap minggu supaya ansuran bayaran balik menjadi lebih kecil nilainya, tidak membebankan dan sentiasa diingati akan tarikh bayaran ini. Selepas kutipan dan disahkan oleh ahli pusat, kakitangan AIM akan mengumpulkannya di Pejabat Cawangan dan di sahkan oleh Pengurus

Cawangan sebelum di depositkan ke dalam bank berdekatan. Seterusnya Pejabat Wilayah yang diketuai oleh Pengurus Wilayah dan pembantunya Pegawai Rancangan memastikan semua transaksi keluar masuk ini berjalan lancar sebelum melaporkan setiap bulan ke Ibu Pejabat AIM yang terletak di No. 2 & 4, Plaza Damansara, Medan Setia 2, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Unit audit turut dibentuk bagi memastikan proses pinjaman dan bayaran balik berjalan lancar.

2.4 Bidang Kegiatan Peserta – Setiap insan dilahirkan mempunyai keistimewaan tersendiri. Sehubungan dengan ini AIM percaya setiap pesertanya mempunyai kebolehan sama ada melalui pendidikan formal dan tidak formal yang diperoleh, pengalaman hidup, minat serta kemahiran yang diwarisi. Oleh itu, modal yang dikeluarkan oleh AIM wajar digunakan bagi mengembangkan keupayaan tersendiri atau kemahiran hidup ini untuk meningkatkan pendapatan isirumah keluarga miskin berkenaan. Sehingga ini jenis projek yang dibiayai oleh AIM adalah berbagai dari aktiviti pertanian, penternakan, perniagaan, jahitan, bertukang, jualan makanan dan berbagai lagi. Usaha mempelbagaikan aktiviti yang dijalankan turut digalakkan terutama bagi mereka yang terlibat dengan projek jangka panjang seperti pertanian yang mengambil masa untuk pengeluaran. Kebenaran diberikan mencuba juga projek berjangka pendek seperti perniagaan agar tidak menghadapi masalah dalam bayaran balik serta tidak mengalami kerugian jika berlaku sesuatu keadaan di luar jangkaan seperti bencana alam dan jangkitan penyakit.

Kesemua mereka yang mempunyai kemahiran hidup yang pelbagai ini sentiasa dihubungi oleh jabatan kerajaan yang berkaitan untuk tawaran latihan, khidmat penasihat, aktiviti kawalan dan pemantauan projek dan aktiviti sampingan untuk kesinambungan projek masa panjang. Sebagainya rumusnya, AIM membenarkan sebarang jenis aktiviti kemahiran hidup dilaksanakan

asalkan ianya bermula secara kecil-kecilan dan berupaya dikembangkan kemudian kelak.

2.5 Aktiviti Simpanan Sampingan - selain daripada aktiviti pinjaman untuk aktiviti ekonomi bagi menambah pendapatan keluarga dan juga pinjaman untuk aktiviti sosial seperti pinjaman perumahan dan pinjaman pendidikan, AIM juga menekankan beberapa aktiviti sampingan seperti penubuhan Tabung Kumpulan, Tabung Simpanan Khas Pusat, dan menginsurankan pinjaman yang semuanya berasaskan modal pinjaman AIM bagi menanamkan sifat menabung dan menjaga kepentingan sampingan peserta sendiri. Setiap Sahabat diwajibkan menyimpan secara mingguan antara RM1 hingga RM15. Sumber lain tabung ini ialah sumbangan 1% daripada pembiayaan sahabat. Dana tabung kumpulan ini boleh digunakan oleh Sahabat pada waktu kesesakan dan kecemasan.

Semenjak beroperasi sehingga akhir 2009, jumlah simpanan tabung kumpulan AIM kini telah mencecah hampir RM50 juta. Selain daripada itu, pinjaman sosial yang turut ditawarkan oleh AIM, selain dari pinjaman untuk aktiviti ekonomi seperti pinjaman perumahan dan pinjaman pendidikan turut membantu keluarga wanita miskin luar bandar membina keluarga bahagia yang selesa dan mementingkan ilmu untuk generasi akan datang. Kesemuanya ini amat menepati kehendak wanita miskin luar bandar kerana AIM turut menggunakan pendekatan sahsiah melalui penerapan disiplin yang kukuh, nilai-nilai murni dan pembangunan diri insan yang menjadi pesertanya.

Justeru, dapatlah dikatakan bahawa penerangan ringkas di atas memberi gambaran sebenar mengenai kelebihan pendekatan yang digunakan oleh AIM yang menarik minat kaum wanita miskin luar bandar menyertainya dan sekaligus membantu kerajaan menangani masalah kemiskinan luar bandar negara.

3. Pengaruh pengubalan Dasar Wanita Negara

Wanita merupakan potensi sumber pembangunan bagi negara kerana jumlah wanita yang ramai, keupayaan mereka meningkatkan pendapatan keluarga dan peningkatan kepentingan wanita dalam pembangunan negara. Hal ini menyebabkan kerajaan mengubal Dasar Wanita Negara (DWN) pada 1989 yang dikelolakan oleh Urusetia Hal-ehwal Wanita (HAWA) di Jabatan Perdana Menteri. Dasar ini kemudiannya telah diteruskan kesinambungannya dalam Dasar Wanita Negara Kedua 2009, apabila kerajaan turut menubuhkan Jabatan Pembangunan Keluarga dan Wanita yang lengkap melakarkan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. DWN berhasrat menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dan mengintegrasikan sumbangan wanita dalam perancangan dan proses pembangunan negara untuk mencapai kesejahteraan hidup generasi mendatang dan kelestarian pembangunan negara.

Usaha membasmi kemiskinan dikalangan wanita luar bandar termaktub dalam matlamat kedua DWN iaitu untuk mengintegrasikan wanita dalam sebarang sektor pembangunan yang selaras dengan kehendak dan kemampuan wanita itu sendiri, misalnya seperti dalam meningkatkan taraf kehidupan, membasmi kemiskinan keluarga meningkatkan taraf pendidikan dan sebagainya (Nor Aini dII, 1996). Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa penggubalan DWN ini mengharapkan agar wanita turut menyertai dan terlibat dengan aktif dalam semua peringkat pembangunan iaitu pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek pembangunan yang tidak terbatas kepada sektor tradisional sahaja, malah hendaklah menebusi semua sektor dan lapisan ekonomi, sosio-budaya dan politik. Selaras dengan matlamat dan prinsip DWN, golongan wanita yang terdiri daripada keluarga miskin, terutama yang berperanan sebagai ibu tunggal akibat diceraikan atau kematian suami turut di beri peluang menjadi peserta AIM. Golongan wanita ini bukan sahaja di beri peluang malah sangat dialu-alukan oleh pelaksana dan penyelaras program AIM,

kerana disiplin dan semangat yang ditunjukkan oleh peserta wanita adalah lebih baik daripada peserta lelaki. Perkara ini dibuktikan melalui penemuan hasil kajian Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 1991, yang mendapati bahawa kekerapan kehadiran yang tinggi dalam kalangan sahabat wanita adalah lebih baik daripada sahabat lelaki. (SERU, 1991).

Selain daripada itu Kajian Impak I yang dijalankan pada 1988 oleh kakitangan AIM mendapati bahawa sahabat wanita (84%) daripada sampel kajian memperlihatkan penambahan pendapatan purata yang lebih baik iaitu sebanyak RM 113 sebulan berbanding dengan peserta lelaki yang hanya 65% menunjukkan penambahan pendapatan dengan kadar RM 63 sebulan iaitu hampir separuh daripada jumlah pendapatan peserta wanita (Fatimah Hassan, 1990). Memandangkan disiplin dan semangat yang ditunjukkan oleh peserta wanita dan penemuan kajian oleh pihak AIM sendiri, maka pihak pelaksana dan penyelaras AIM telah mengambil keputusan untuk hanya memberi penumpuan kepada golongan wanita dalam proses pengembangan di masa depan (Gibbons dan Sukor, 1990). Lanjutan daripada peraturan ini, pembukaan cawangan AIM di seluruh Malaysia sama ada di Semenanjung mahu pun di Sabah dan Sarawak, kemasukan peserta AIM hanya terdiri daripada golongan wanita sahaja. Tidak ada protes daripada golongan lelaki keluarga miskin atau tuduhan diskriminasi jantina terhadap AIM kerana walaupun peserta AIM terdiri daripada wanita, tetapi penggunaan modal yang diberikan oleh AIM dibenarkan digunakan oleh suaminya mahu pun anak lelakinya. Ini adalah kerana pendekatan yang digunakan AIM semasa perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek bagi menambah pendapatan keluarga membenarkan penglibatan suami atau keluarga terlebih dahulu. Sehubungan dengan ini dapatlah dikatakan penggubalan DWN turut menjadi faktor penyumbang kerana memberi peluang kepada wanita luar bandar menceburkan diri dalam kegiatan yang mereka kuasai tanpa meninggalkan kampung halaman dalam usaha menambah pendapatan keluarga miskin luar bandar.

KESIMPULAN

Amanah Ikhtiar Malaysia, merupakan antara program yang berjaya membantu kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan negara. Kejayaan AIM ini merupakan satu kejayaan besar kepada wanita luar bandar di Malaysia kerana merekalah yang menjana, menyelamat dan meneruskan perjuangan AIM dan kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan negara ini. Kaum wanita menjadi kumpulan sasaran AIM setelah dua tahun ianya ditubuhkan kerana kelebihan wanita itu sendiri. Antaranya ialah sensitiviti mereka terhadap ahli keluarga, keunggulan berusaha dan sifat kompetitif mereka untuk mendapat pendapatan sampingan dan kerana wanita luar bandar yang telah menjadi peserta AIM mempunyai disiplin diri yang tinggi bagi menggantikan kelonggaran syarat pinjaman agar pinjaman modal yang dikeluarkan oleh AIM digembelngkan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, ramai wanita miskin tidak melepaskan peluang keemasan ini dan berjaya meningkatkan pendapatan masing-masing. Namun begitu disebabkan pendekatan AIM ini merupakan suatu pinjaman dan bukan suatu sedekah maka usaha yang berterusan dan komitmen yang tinggi amat diperlukan. Pengetahuan dan penggunaan kaedah dan teknologi terkini amat diperlukan dan digarap oleh wanita yang berkemahiran tersendiri ini agar dapat berdaya saing dan kompeten dengan keadaan semasa. Selain daripada itu penekanan yang turut diberikan ialah program motivasi dan program keusahawan. Sehubungan dengan ini pelbagai usaha diteruskan agar penglibatan wanita dalam pembasmian kemiskinan dapat ditingkatkan dan berkesinambungan sehingga mereka dan keluarga keluar dari belunggu kemiskinan untuk selama-lamanya.

NOTA Hujung :

- 1 Penulis pernah bekerja dengan Amanah Ikhtiar Malaysia, suatu program pembasmian kemiskinan luar bandar sebagai pegawai penyelidik sebelum di lantik sebagai pensyarah USM.
- 2 Kemiskinan Mutlak ditakrifkan sebagai satu keadaan di mana pendapatan kasar bulanan tidak mencukupi untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang diukur berdasarkan tahap perbelanjaan minimum atau pendapatan garis kemiskinan.
- 3 Kemiskinan Relatif ditakrifkan sebagai ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan. Ianya diukur dengan menggunakan nisbah perbezaan pendapatan kumpulan pendapatan, kumpulan etnik dan penghuni bandar dan luar bandar. Satu lagi pengukur kemiskinan relatif yang sering digunakan adalah peratus isi rumah dengan pendapatan misalnya kurang daripada separuh pendapatan penengah atau purata.